



---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**11 DISEMBER 2021 (SABTU)**



---

---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

---

**11 DISEMBER 2021 (SABTU)**

## *Beri pilihan lebih murah*

**Putrajaya:** Tindakan membawa masuk ayam sejuk beku dari luar negara adalah bersifat sementara bertujuan menstabilkan harga di peringkat runcit.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, terdapat banyak permintaan membatikkan bekalan ayam kini.

"Sebab itu kita bawa masuk bekalan dan harap di peringkat runcit akan menurun (harga) kerana ada persaingan lebih banyak bekalan ayam," katanya selepas majlis penyampaian anugerah Malaysia Excellence Business (MEBA 2021) di sini, semalam.

Beliau menjelaskan keputusan kerajaan membawa masuk ayam sejuk beku dari luar negara bagi memberi pilihan harga lebih murah kepada pengguna.

Alexander berkata, kerajaan sudah berusaha untuk mengawal harga ayam melalui harga maksimum di bawah Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).

"Harga maksimum ayam standard ditetapkan RM9.30 sekilogram bagi jualan runcit dan RM8 sekilogram untuk pemborong di Semenanjung kecuali Langkawi," katanya.

Dalam perkembangan lain, Alexander yang juga



*Sebab itu kita bawa masuk bekalan dan harap di peringkat runcit akan menurun (harga) kerana ada persaingan lebih banyak bekalan ayam"*

**Alexander Nanta Linggi**

Setiausaha Agung Gabungan Parti Sarawak (GPS) berkata, tindakan calon Bebas bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Krian, Datuk Ali Biju yang menarik diri daripada bertanding pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Sarawak ke-12 membuktikan keakraban Bersatu dan GPS sebagai sahabat baik. - Bernama



**SYARIKAT** Ayam Bismi menjual ayam pada harga murah iaitu RM6.98 sekilogram di Pusat Jualan Utama Ayam Bismi di Jalan Kangkong Simpang Empat, Alor Setar.

## Ayam Bismi jual ayam murah RM6.98 sekilogram

**ALOR SETAR:** Syarikat perternakan, pemprosesan dan pengedaran, Urusan Bismi Empire Sdn. Bhd. (Ayam Bismi) mengambil inisiatif melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan menjual ayam pada harga di bawah kos iaitu RM6.98 sekilogram, esok.

Menurut Pengarah Ayam Bismi, Mazlina Kamarudin, program CSR itu diadakan sempena majlis cabutan bertuah bagi menghargai pelanggan mereka yang memberi sokongan kepada syarikatnya.

"CSR ini ibarat rugi di du-

nia, untung di akhirat, insya-Allah. Bukan harga ayam turun atau murah, tetapi, kami ingin menjual pada harga bawah kos sebenar.

"Syarikat berharap ini dapat menceriakan anggota masyarakat dan membantu meréka serba sedikit dengan berkongsi rezeki," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Kerajaan baru-baru ini menetapkan harga maksimum ayam standard adalah RM9.30 sekilogram bagi jualan runcit dan RM8 sekilogram untuk pemborong di Semenanjung, kecuali Langkawi, berkuat kuasa Selasa lalu.

SUARA KONTEMPORARI  
**Kosmo!**

HARI : SABTU  
TARIKH : 11/12/2021  
M/SURAT : 16

 Senarai Harga Barang Keperluan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ayam RM7.99</li><li>• Daging Lembu Tempatan RM35</li><li>• Daging Lembu Import RM15.50</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Telur Gred A RM12.30</li><li>• Ikan Kembung RM7.99</li><li>• Minyak Masak RM6.70</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Gula Pasir RM2.85</li><li>• Bawang Besar Holland RM2.50</li><li>• Bawang Putih RM5.50</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Cili Merah RM13</li><li>• Kubis Tempatan RM4.99</li><li>• Tepung Gandung RM2.20</li></ul>
*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP				